

GARIS PANDUAN DAN KRITERIA PENCALONAN
ANUGERAH BUKU PENYELIDIKAN

1.0 NAMA ANUGERAH

Anugerah Buku Penyelidikan

2.0 TAKRIFAN

Buku Penyelidikan ialah buku saintifik yang ditulis secara sistematik, berdasarkan fakta dan hasil penyelidikan, dan dianalisis secara kritis melalui hujah yang rasional.

Karya bermaksud buku yang dihasilkan sendiri oleh pengarang berkenaan yang julung kali diterbitkan, dan bukan terjemahan, saduran atau ciplakan/plagiat.

Penerbit Berwibawa ialah Penerbit yang berdaftar dengan badan beriktiraf seperti MAPIM diambil kira.

Penerbitan yang piawai ialah buku yang diterbitkan menurut amalan penerbitan ilmiah yang piawai di peringkat antarabangsa.

Sistem Pewasitan bermaksud buku yang melalui proses penilaian secara formal oleh pakar bidang yang dilantik bagi menentukan kredibiliti dan kualiti buku tersebut.

3.0 LATAR BELAKANG ANUGERAH

Anugerah ini bertujuan untuk mengiktiraf individu yang cemerlang dalam bidang penulisan Buku Penyelidikan. Pemberian anugerah ini adalah berdasarkan syarat pencalonan dan kriteria penilaian Anugerah Buku Penyelidikan.

4.0 KATEGORI ANUGERAH

- (a) Kategori Sains dan Teknologi (S&T)
- (b) Kategori Sains Sosial (SS)

5.0 KRITERIA/SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- (1) **Calon:** Hendaklah terdiri daripada staf Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang masih berkhidmat dalam tahun penganugerahan.
- (2) **Jenis karya yang layak dicalonkan:** Hanya buku penyelidikan yang melalui proses penerbitan secara formal terbitan Penerbit UTM Press atau *Penerbit Luar yang diterbitkan

dalam tahun dinilai, yang mempunyai ISBN dan data pengkatalogan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

- (3) **Bilangan penulis:** Buku penyelidikan yang dihasilkan oleh seorang atau tidak lebih daripada tiga orang penulis.
- (4) Hanya buku edisi pertama cetakan tahun yang dinilai sahaja layak dicalonkan.
- (5) Karya diterbitkan oleh penerbit dalam atau luar negara yang berwibawa, mengamalkan sistem pewasitan dan amalan penerbitan yang piawai.
- (6) Karya hendaklah yang diterbitkan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sahaja.
- (7) **Bahan Bukti Penyertaan:** Pencalonan hendaklah disertakan dengan empat (4) naskhah bercetak atau format buku elektronik yang boleh diterima adalah seperti PDF, EPUB, ePUB3 atau yang setaraf. Semua naskhah ini tidak akan dikembalikan bagi buku terbitan selain Penerbit UTM Press.
- (8) **Pencalonan:** Buku terbitan Penerbit UTM Press secara automatik akan dicalonkan. Setiap pencalonan daripada penerbit luar perlu disokong dan diperakukan oleh Dekan/Timbangan Dekan Penyelidikan dan Inovasi/Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan Akademik Fakulti.
- (9) Tarikh tutup pencalonan: Pencalonan buku terbitan penerbit luar hendaklah sampai kepada Urus setia selewat-lewatnya pada **15 April 2024** sebelum atau pada jam 5.00 petang.

*(Nota: *Penerbit luar ditakrifkan sebagai penerbit dalam negara yang menganggotai Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM), Persatuan Penerbit Buku Malaysia (Malaysian Book Publishers Association - MABOPA)/ menganggotai Persatuan Penerbit Buku Bumiputera (Bumiputera Book Publishers Association - IKATAN)/Pusat Penyelidikan/Badan Profesional/Badan Bukan Kerajaan dan termasuk penerbit antarabangsa yang melakukan proses penerbitan secara formal: melalui proses penilaian dan penyuntingan atau mempunyai lembaga editorial.)*

6.0 KRITERIA PENILAIAN

Kriteria penilaian yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (1) **Penulis Karya:** Karya yang dihasilkan oleh penulis sama ada secara individu atau bersama dengan penulis lain (dalam atau luar UTM). Jika penulisan bersama, penulis mestilah tidak melebihi tiga (3) orang.
- (2) **Karya yang Tidak Layak dicalonkan:** Karya yang diklasifikasikan sebagai Cetakan Awal, Modul Pengajaran, Buku Mewah, Monograf, Bab dalam Buku, Karya Selenggaraan/Suntingan (Edited Book), Karya Terjemahan, Buku Khas dan penerbitan sendiri (swaterbit).
- (3) Maklumat geran penyelidikan boleh dinyatakan dalam prakata atau penghargaan.
- (4) Buku penyelidikan yang dicalonkan **mesti** berwasit (sertakan laporan penilaian pakar bidang).
- (5) Hanya buku penyelidikan edisi pertama cetakan 2023 sahaja layak dicalonkan.

- (6) Pencalonan hendaklah disertakan dengan empat (4) naskhah bercetak atau format buku elektronik yang boleh diterima adalah seperti PDF, EPUB, ePUB3 atau yang setaraf. Semua naskhah ini tidak akan dikembalikan bagi buku terbitan selain Penerbit UTM Press.

7.0 KAEDAH PENILAIAN DAN PEMARKAHAN

7.1 Kaedah Penilaian

Setiap karya akan dinilai oleh dua (2) orang penilai yang terdiri daripada penilai pakar bidang dari dalam atau luar UTM. Buku yang dihantar kepada penilai hanyalah buku yang telah melepasi saringan panel penilai teknikal lantikan Penerbit UTM Press.

7.2 Kaedah Pemarkahan

Pemarkahan ialah berdasarkan kriteria utama seperti berikut:

- (1) Pakar bidang: 70 markah
- (2) Panel teknikal: 30 markah

Bil.	Kriteria	Markah (%)
1	Kriteria 1: Keaslian Karya dan Kekuatan	40
2	Kriteria 2: Gaya Penulisan dan Bahasa	30
3	Kriteria 3: Etika	10
4	Kriteria 4: Gaya Penerbitan	20
JUMLAH KESELURUHAN		100

Rujuk Lampiran 1 dan 2 untuk perincian markah.

Bil	Pemenang	Markah (%)
1	Hadiah Utama	90
2	Hadiah Penghargaan	80

8.0 KOS HADIAH

Kategori	Hadiah Utama/Kedua	Hadiah Penghargaan
(a) Sains & Teknologi	<ul style="list-style-type: none"> • RM1,000, plak/buku dan sijil • Tiga (3) sijil penghargaan 	<ul style="list-style-type: none"> • Sijil Penghargaan
(b) Sains Sosial	<ul style="list-style-type: none"> • RM1,000, plak/buku dan sijil • Tiga (3) sijil penghargaan 	<ul style="list-style-type: none"> • Sijil Penghargaan

9.0 SENARAI JAWATANKUASA ANUGERAH

9.1 Panel Penilai

- | | |
|----------------------------------------------------|----------------------|
| (1) Prof. Madya Dr. Nik Ahmad Nizam Nik Malek (FS) | (Pengerusi) |
| (2) Prof. Dr. Lokman Mohd Tahir (FSSK) | (Timbalan Pengerusi) |
| (3) Prof Dr Roosfa Hashim (UIAM) | (Ahli) |
| (4) Prof. Madya Dr. Siti Rahmah Awang (PUTMP) | (Ahli) |
| (5) Prof. Dr. Rosli Hussin (PUTMP) | (Ahli) |
| (6) Prof. Madya Dr. Zainul Akmar Zakaria (FKT) | (Ahli) |
| (7) En. Yosman Mohd Bain (PUTMP) | (Ahli) |
| (8) Pn. Siti Sahrina Maarof (PUTMP) | (Setiausaha) |
| (9) Pn. Nor Aiza Mohd Radzi (PUTMP) | (Urusetia) |